

**Paul Low usah berselindung di belakang Najib, gesa DAP
Malaysian Insider
Sept 15 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

DAP hari ini menggesa Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low supaya tidak berselindung di balik bayangan Datuk Seri Najib Razak setelah Perdana Menteri itu menggesa syarikat berkait kerajaan (GLC) membeli iklan di Utusan Malaysia.

Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP Tony Pua berkata Low (gambar) harus menyedari gesaan Najib itu telah bercanggah dengan kepentingan umum dan perlu menasihatkan Perdana Menteri atas arahan itu yang bercanggah dengan prinsip ketelusan.

"Low berkata beliau hanya akan mengingatkan GLC supaya memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dan akan memberi maklumbalas secara dalaman. Beliau juga enggan mendedahkan nasihat yang akan diberikan kepada Najib berhubung gesaan Perdana Menteri mahu GLC membeli iklan di Utusan.

"Jika Low jelas tidak berjaya menasihatkan Najib, bagaimana beliau boleh memastikan perubahan sistem kerajaan dengan lebih telus dan dipercayai? Beliau seharusnya tegas bersuara dalam isu ini," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu berkata Low tidak seharusnya membazir masa berselindung di belakang Najib untuk melakukan pembaharuan dalam kerajaan melainkan Low sememangnya gembira diperalatkan oleh Perdana Menteri itu.

Katanya, Low seharusnya sudah mula merancang untuk meninggalkan jawatannya jika tidak mampu menjalankan tugas yang dipikulnya dengan baik.

Najib dalam ucapan perasmian bangunan Utusan baru menggesa GLC, syarikat milik Melayu dan Bumiputera, untuk membeli ruang iklan dalam akhbar Utusan bagi membantu kelangsungan akhbar berkenaan.

"Saya harap kepada badan kerajaan, GLC dan syarikat Bumiputera menghargai Utusan dengan memberikan pengiklanan lebih kepada Utusan. Ini sahaja dapat letakkan Utusan di atas landasan lebih kukuh," katanya.

Najib turut menambah, sebagai ketua kerajaan, beliau yakin peranan akhbar berkenaan akan akhirnya membawa kepada pengukuhan Malaysia sebagai negara bangsa.

Utusan sebelum ini menimbulkan kontroversi dengan laporan muka hadapannya bertajuk "Apa Lagi Cina Mahu", sejurus selepas Pilihan Raya Umum 2013.

Laporan itu menimbulkan reaksi negatif pelbagai pihak yang mengkritik penerbitan berkenaan.

Kenyataan terbaru Najib dilihat sebagai restu kerajaan kepada akhbar berhaluan kanan itu. Beliau juga turut mengumumkan penukaran nama Jalan Enam di hadapan bangunan baru Utusan Melayu kepada Jalan Utusan. – 16 September, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/paul-low-usah-berselindung-di-belakang-najib-gesa-dap>